



REFERENCE NUMBER: BGST/FREIGHT/2005049

## PERKHIDMATAN FORWARDING SEAFREIGHT DAN AIRFREIGHT (CHINA TO DOOR DI MALAYSIA)

\*\*Tuan/Puan dianggap telah bersetuju dengan semua yang tercatat di atas dokumen ini sekiranya mendaftar Marking Number dengan BGST Resources Sdn Bhd bagi perkhidmatan *freight* kami.

\*\*Sila baca denganteliti panduan, terma dan syarat ini. Sekiranya terdapat permasalahan yangberlaku kerana tidak membaca dengan teliti, BGST Resources Sdn Bhd tidak dapat bertanggungjawab atas kesilapan tersebut

\*\*Tuan/Puan diminta memaklumkan kepada pihak BGST jenis barangan terlebih dahulu terutamanya barangan kategori sensitif untuk memastikan barangan tersebut boleh dihantar.

### KADAR HARGA SEAFREIGHT

LOKASI	GUANGZHOU		YIWU
	CAJ NORMAL PER CBM (RM)	CAJ MINIMA 0.5 CBM (RM)	CAJ NORMAL PER CMB (RM)
SELANGOR / KUALA LUMPUR	490	343	530
NEGERI SEMBILAN / MELAKA / PULAU PINANG / JOHOR / PERAK / KEDAH	540	378	580
PERLIS / PAHANG / KELANTAN / TERENGGANU	540	378	580
KUCHING / BINTULU / MIRI / SIBU	700	490	
TAWAU / SANDAKAN / KOTA KINABALU / LABUAN	760	532	

- Senarai harga CAJ MINIMA 0.5 CBM hanya untuk barangan normal sahaja. Bagi barangan sensitif cas tambahan tetap mengikut dalam jadual senarai kategori barangan sensitif.
- Harga tertakluk pada perubahan semasa (Perubahan harga boleh berlaku tanpa notis)
- Estimation Time Arrival (ETA) bagi Seafreight:
  - Guangzhou ke Peninsular Malaysia selama 4-5 minggu.
  - Guangzhou ke Sabah dan Sarawak selama 5-6 minggu.
  - Yiwu ke Peninsular Malaysia 5-6 minggu
- Caj tambahan akan dikenakan bagi penghantaran ke alamat di luar bandar (>50km dari pusat bandar)
- Kadar di atas **termasuk** :
  - Dutiimport kastam
  - SST
  - Forwarding
- Untuk servis console shipment, tiada dokumen kapal dan kastam yang akan diberikan kepada pelanggan seperti K1, BL dan lain-lain.



- Kadar di atas **tidak termasuk** :

✘ **Insuran** : Perlindungan insuran adalah pilihan, bagi yang memilih untuk mengambil insuran, caj adalah RM 150 bagi setiap penghantaran atau mengikut formula ini, mana-mana yang tertinggi:

$$[ (\text{Jumlah harga barang dalam Yuan} \times 1.1 \times 3) / 1000 ] \times 0.63 = \text{RM } \_$$

**\*\*Jika tiada insurans diambil, tiada sebarang pampasan harga item akan diberikan sekiranya berlaku sebarang kehilangan/kebakaran/bencana alam/kemalangan/kerosakan yang tidak dijangka berlaku ketika penghantaran dari warehouse China ke premispelanggan.**

✘ **Caj sensitif**: Sila rujuk Jadual Senarai Kategori Barangan Sensitif bagi jenis-jenis item yang dikenakan caj sensitif.

✘ **Caj forklift**: Dikenakan pada item yang besar, terlalu berat, atau terlalu banyak.



---

**KADAR HARGA AIRFREIGHT**

**SEMENANJUNG MALAYSIA**

**BARANG BIASA**

<b>KILOGRAM (KG)</b>	<b>HARGA KG (RM)</b>
<b>1-2 Kg</b>	<b>RM 38.00/Kg</b>
<b>3-10 Kg</b>	<b>RM 31.00/Kg</b>
<b>11-50 Kg</b>	<b>RM 25.00/Kg</b>
<b>51-100 Kg</b>	<b>RM 25.00/Kg</b>
<b>101 Kg KE ATAS</b>	<b>RM 25.00/Kg</b>

**BARANG SENSITIF**

<b>KILOGRAM (KG)</b>	<b>HARGA KG (RM)</b>
<b>1-2 Kg</b>	<b>RM 43.00/Kg</b>
<b>3-10 Kg</b>	<b>RM 35.00/Kg</b>
<b>11-50 Kg</b>	<b>RM 29.00/Kg</b>
<b>51-100 Kg</b>	<b>RM 29.00/Kg</b>
<b>101 Kg KE ATAS</b>	<b>RM 29.00/Kg</b>

- Kiraan berat bagi Airfreight adalah berdasarkan berat fizikal atau berat volumetrik, mana-mana yang tertinggi. Berikut adalah cara kiraan berat volumetrik:

$$\frac{(\text{Lebar} \times \text{Panjang} \times \text{Tinggi}) \text{ cm}}{6000} = \text{_____ kg}$$

- Barangan yang berat (atas penimbang/volumetrik) yang melebihi 40kg akan ada penambahan rm1.80 per kg.
- Namun demikian, berat dan ukuran kotak yang sebenar akan dikeluarkan oleh pihak Airlines sahaja, ukuran yang diberikan oleh pembekal hanyalah sebagai panduan sahaja.
- Harga tertakluk pada perubahan semasa (Perubahan harga boleh berlaku tanpa notis)
- Pastikan supplier anda tulis "Air Freight" dan "Nombor Marking" pada carton anda
- Estimation Time Arrival (ETA) bagi Airfreight adalah 7-10 hari.
- Untuk servis console shipment, tiada dokumen kapal dan kastam yang akan diberikan kepada pelanggan seperti K1, AWB dan lain-lain.



---

**KADAR HARGA AIRFREIGHT**

**SABAH SARAWAK**

**BARANG BIASA**

<b>KILOGRAM (KG)</b>	<b>HARGA KG (RM)</b>
<b>1-2 Kg</b>	<b>RM 51.00/Kg</b>
<b>3-10 Kg</b>	<b>RM 45.00/Kg</b>
<b>11-50 Kg</b>	<b>RM 41.00/Kg</b>
<b>51 Kg KE ATAS</b>	<b>RM 41.00/Kg</b>

**BARANG SENSITIF**

<b>KILOGRAM (KG)</b>	<b>HARGA KG (RM)</b>
<b>1-2 Kg</b>	<b>RM 57.00 /Kg</b>
<b>3-10 Kg</b>	<b>RM 51.00/Kg</b>
<b>11-50 Kg</b>	<b>RM 47.00/Kg</b>
<b>51 Kg KE ATAS</b>	<b>RM 47.00/Kg</b>

- Kiraan berat bagi Airfreight adalah berdasarkan berat fizikal atau berat volumetrik, mana-mana yang tertinggi. Berikut adalah cara kiraan berat volumetrik:

$$\frac{(\text{Lebar} \times \text{Panjang} \times \text{Tinggi}) \text{ cm}}{6000} = \text{_____ kg}$$

- Barangan yang berat (atas penimbang/volumetric) yang melebihi 40kg akan ada penambahan rm1.80 per kg
- Namun demikian, berat dan ukuran kotak yang sebenar akan dikeluarkan oleh pihak Airlines sahaja, ukuran yang diberikan oleh pembekal hanyalah sebagai panduan sahaja.
- Harga tertakluk pada perubahan semasa (Perubahan harga boleh berlaku tanpa notis)
- Estimation Time Arrival (ETA) bagi Airfreight adalah 7-10 hari.
- Untuk servis console shipment, tiada dokumen kapal dan kastam yang akan diberikan kepada pelanggan seperti K1, AWB dan lain-lain.



**JADUAL SENARAI KATEGORI BARANGAN SENSITIF**

<b>Categories</b>	<b>Categories</b>	<b>List Details</b>
Normal Goods	Hardware	Multimeter, electric screwdriver, pipe wrench, electric drill, dustless saw, electric welder, angle grinder, cutting machine, quick release valve
	Apparel	Shirts, dresses, denim, underwear, sweaters, T-shirts, suits, children's wear, etc.
	Shoes & Bags	School bags and shoes made of various raw materials (PU bags, running shoes)
	Electronic Product	Data cable, selfie stick, mouse, keyboard, gamepad, VR glasses, gaming headset, etc.
	Household Appliances	Heaters, humidifiers, fans, soya-bean milk makers, kitchen appliances, air purifiers, etc.
	Household Goods	Kitchen utensils, sofa, bed, dining table, lamps
	Printed Matter	Non-sensitive books such as children's book collections, catalogues, catalogues, science books, company brochures, etc.
	Bed Linings	Bed mattress, U-shaped pillow, air conditioner, mosquito net, four-piece suit, etc.
	Sports Outdoor Products	Bicycles, fishing gear, camping gear, water bottles, sports gear, etc.
	Fabric	Fabric types include silk, wool, linen, conton synthetic fiber, rayon, nylon, polyesters, etc; textile floor covering like carpets
Sensitive Goods *Additional Charges <b>(RM70/CBM)</b>  For Airfreight, *Additional Charges <b>RM50-150/KG</b>	Brand & Counterfeit	Nike,Adidas,Puma,LV,Gucci and other customs record brands
	Powder	Detergent, Cat Sand, etc
	Beauty Products	Mask,perfume,cosmetics,face cream, nail polish, etc.
	Drug	Non-state civilization prohibits drugs, health products, diet pills, breast enhancement fluids, etc.
	Food	Tea, milk powder,biscuits,chocolate, seasonings, etc.
	Motorcycle Accessories	Spark plug, battery, headlight
	Car Accessories	Wiper, brake disc, lamp, filter, spark plug, etc.
	Fragile Goods	Ceramics, glass, toys, electrical goods
Small Battery	Power bank, Li-on battery, walkie talkie	

**BGST Resources Sdn Bhd(1191579-K)**

No. 11-G Jalan Astana E 13/E,  
Pusat Niaga Astana Alam,  
42300 Puncak Alam Selangor.  
03-33939072

[info@bgst.com.my](mailto:info@bgst.com.my)



<b>Sensitive Goods</b> <b>*Additional Charges (RM100</b>  <b>- RM300/CBMor</b> <b>per unit)</b>  For Airfreight,  <b>*Additional Charges</b> <b>RM150-250/KG</b>	Building Materials	Tile mosaic tiled brick solid wood flooring laminate flooring
	Electric Car	Tricycle, bicycle
	Tire	Car tires, motorcycle tires
	Battery	Segway, electric scooter, kids motor or car rides
	Others	Machine, chemical products, medicine, food
	Liquids	Oil, Detergent
	Epidemic Material	Gloves, Mask, Sanitizer, Face Shield



- Senarai tertakluk pada perubahan di kastam China dan kastam Malaysia
- Sila semak jenis item dengan khidmat pelanggan BGST Resources Sdn Bhd sekiranya item yang dihantar sensitif ataupun tidak
- Harga caj boleh berubah bergantung pada kastam

**PERHATIAN**

**! SILA BACA TERMA & SYARAT SHIPPING BGST DAN LIHAT VIDEO PANDUAN CARA MENGGUNAKAN SISTEM SHIPPING BGST**

**! PASTIKAN PEMBEKAL MENULIS NOMBOR MARKING PADA SEMUA KOTAK SEBELUM DIHANTAR KE WAREHOUSE KAMI DI CHINA**

**! PASTIKAN BARANGAN YANG PEMBEKAL HANTAR TIBA DI WAREHOUSE CHINA DENGAN MEMINTA TRACKING COURIER ATAU SLIP PENERIMAAN WAREHOUSE DARI PEMBEKAL**

**! KAMI TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB PADA BARANGAN YANG HILANG DI WAREHOUSE AKIBAT TIADA NOMBOR MARKING/TRACKING COURIER**

**! MINTA PEMBEKAL MELAKUKAN PEMBUNGKUSAN MENGIKUT PIAWAI FREIGHT UNTUK MENGELAKKAN BARANGAN ANDA ROSAK DAN PECAH SEWAKTU PROSES SHIPPING**

**! PASTIKAN BILANGAN KARTON/PARCEL YANG DIHANTAR OLEH PEMBEKAL DIISI DENGAN TEPAT KE DALAM SISTEM**



---

### **CARA-CARA MENGGUNAKAN FORWARDING SEAFREIGHT DAN AIRFREIGHT**

**Ini adalah cara bagaimana nak gunakan shipping services BGST :**

1. Daftar ID pelanggan anda dalam sistem shipping BGST (one time process). Daftar di :  
<https://www.bgst.com.my/service/cargo.php>
2. Kemudian daftar nombor marking anda dalam sistem yang sama.

Peringatan : satu nombor marking adalah untuk satu shipment. Anda perlu mendaftar nombor marking untuk setiap shipment yang anda buat

3. Satu nombor marking akan dijana oleh sistem kepada anda. Ambil perhatian nombor marking ini.
4. Buat pembelian barangan dan bayaran kepada pembekal anda.

Perhatian : Jika perlu bantuan BGST untuk bayar pembekal di China boleh whatsapp kami di  
<http://www.wasap.my/+601136972173/MT>

5. Arahkan pembekal untuk :
  - Packing barangan anda mengikut piawai freight bagi mengelakkan kerosakan barangan sewaktu shipping
  - Menulis nombor marking yang telah anda daftar di sistem ke atas semua parcel/karton yang akan dihantar ke warehouse kami di China
  - Menghantar barangan anda ke warehouse kami di China

Perhatian : Pastikan anda memberikan alamat warehouse yang terkini. Sentiasa ambil alamat warehouse terkini di website BGST dan berikan pada supplier alamat yang betul mengikut betul jenis freight dan destinasi penghantaran anda. Jika salah memilih warehouse address atau tidak memberikan alamat warehouse terkini, kemungkinan barang anda hilang, kos penghantaran meningkat dan penghantaran akan menjadi lambat.





6. Selepas barangan dihantar ke warehouse di China, login semula ke sistem shipping BGST dan lengkapkan maklumat barangan/kargo anda. Tidak perlu menunggu barang sampai ke warehouse baru lengkapkan maklumat barang. Ia perlu dilakukan dengan segera bila semua maklumat telah diperolehi dari pembekal. Wajib memberikan tracking number (jika supplier hantar gunakan courier), atau warehouse no. (jika menghantar by hand). Adalah menjadi tanggungjawab supplier untuk memberikan bukti bahawa barang tersebut telah sampai ke warehouse.

Perhatian : maklumat mengenai barangan/kargo anda boleh didapati dari pembekal

7. Setelah maklumat barangan/kargo siap diisi dalam sistem, jumlah kos shipping anda akan dipaparkan. Anda boleh terus buat bayaran. Bayaran mestilah dibuat segera supaya boleh mempercepatkan bayaran kepada kastam, ejen kapal dan logistic.

Perhatian : Jumlah yang dibayar tidak semestinya tepat. Warehouse di China akan memeriksa semula saiz dan berat kargo anda. Berkemungkinan akan terdapat penambahan atau pengurangan kos jika maklumat yang anda masukkan tidak sama seperti yang diperiksa. Jika terdapat perbezaan kos, ianya akan dimaklumkan oleh pihak kami kemudian

8. Setelah bayaran dibuat, kargo anda akan diaturnya penghantarannya melalui udara/laut seperti yang telah dipilih dalam tempoh masa/ETA yang dimaklumkan.
9. Anda boleh sentiasa memeriksa status shipping melalui sistem shipping BGST menggunakan ID pelanggan yang telah didaftar. Beberapa faktor kelewatan penghantaran barang adalah kerana, terdapat perintah kuarantin (COVID) di negara penghantar atau penerima, cuti umum di negara penghantar atau penerima dan lewat bayaran, kos penghantaran kepada pihak kami, lewat mendapatkan maklumat barangan, terdapat masalah cuaca, kontena ditahan oleh pihak kastam di negara penghantar atau penerima dan sukar mendapatkan transport kerana kawasan pedalaman. ETA shipping yang diberi adalah sebagai anggaran tempoh masa kebiasaan sahaja. Kecepatan dan kelewatan ETA adalah bergantung kepada faktor di atas.
10. Setelah menerima barangan, periksa jika ianya betul, tidak rosak dan cukup kartonnya. Sebarang masalah boleh diajukan kepada BGST dalam masa 3 hari selepas barangan diterima.
11. Sejurus barang sampai kepada anda, pelanggan juga mesti bekerjasama dengan syarikat BGST Resources SDN. BHD. Jika apabila diminta untuk menyukat atau tape semula saiz carton, saiz kotak, saiz barang (Sea Freight) dan timbang semula serta beri ukuran saiz carton (Air Freight). Ini juga mesti disertakan dengan gambar sebagai bukti ukuran tersebut benar.





### SEAFREIGHT - Warehouse Address Yiwu to Malaysia

#### ENGLISH

**Province:** Zhejiang  
**District:** Ersanli Kaiyuan North Street  
**Area:** Yiwu  
**Address:** No. 2, Building 2, No. 428, Kaiyuan North  
Street, Ersanli, Yiwu City, Zhejiang Province  
**Postal code:** 322013  
**Contact:** 18042554199 / 18069908693

#### CHINESE

**Province:** 浙江  
**District:** 二里三元北街  
**Area:** 义乌  
**Address:** 浙江省义乌市二里三元北街2号  
**Postal code:** 322013  
**Contact:** 18042554199 / 18069908693

### AIRFREIGHT - Warehouse Address Guangzhou to Malaysia

#### ENGLISH

**Province:** Guandong  
**District:** Guangzhou  
**Area:** Baiyun  
**Address:** No.3 Fourth Street, Zhenhu  
Zhongxin Village, Renhe Town, Baiyun  
District, Guangzhou  
**Postal code:** 510000  
**Contact:** 15273875750                      Receiver Name: Xiao Li

#### CHINESE

**Province:** 广东省  
**District:** 广州市  
**Area:** 白云区  
**Address:** 广州市白云区人和镇，镇湖中心村四街3号  
**Postal code:** 510000  
**Contact:** 15273875750                      Receiver Name: 肖利



### **TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN SEAFREIGHT DAN AIRFREIGHT**

1. Caj minima:
  - I. Caj minima bagi penggunaan perkhidmatan *Seafreight* adalah 0.5 CBM (Cubic meter). Penggunaan seterusnya akan dibundarkan ke 0.5 CBM tertinggi.
  - II. Caj minima bagi penggunaan perkhidmatan *Airfreight* adalah 1 kg. Penggunaan seterusnya akan dibundarkan ke 1kgseterusnya.
  
2. Jumlah berat maksimum bagi setiap 1 CBM adalah 500kg. Jika berat melebihi 500kg, akan dicaj ke CBM yang seterusnya. Contoh : 1 CBM, berat 1000kg, caj menjadi 2 CBM.
  
3. *Estimated Time Arrival (ETA)* - adalah bergantung kepada keadaan cuaca, cuti umum di China dan Malaysia, pemeriksaan lanjut dari kastam dan pihak berkuasa. Kelewatan boleh berlaku akibat dari kekangan seperti yang dimaklumkan :
  - I. *Seafreight Guangzhou* ke Semenanjung Malaysia : 4-5 minggu
  - II. *Seafreight Guangzhou* ke Sabah & Serawak : 5-6 minggu
  - III. *Seafreight Yiwu* ke Semenanjung Malaysia: 5-6 minggu
  - IV. *Airfreight ke Seluruh Malaysia* : 7-10 hari

**\*\* Pelanggan dinasihati mengatur jadual sewajarnya dengan mengambil kira faktor-faktorseperti kelewatan dan lain-lain. BGST Resources Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab terhadapsebarang kelewatan yang melibatkan tender atau kerja pelanggan.**
  
4. Insuran :
  - I. Pelanggan amat digalakkan untuk mengambil insuran untuk melindungi barangan ketika penghantaran.
  - II. Jika tiada insurans diambil,tiada sebarang pampasan harga item akan diberikan sekiranya berlaku sebarang kehilangan/kebakaran/bencanaalam/kemalangan/kerusakan yang tidak dijangka berlaku ketika penghantaran dari warehouse China ke premis pelanggan.
  - III. Insurans tidak akan memberi sebarang pampasan sekiranya item yang dihantar ke *Warehouse* tidak di label dengan *Marking Number* yang betul, dan/atau tidak di bungkus mengikut piawaian *freight*.
  - IV. Caj insurans adalah RM150 per Shipment atau mengikut formula ini, mana-mana yang tertinggi :  
[(Jumlah harga barang dalam Yuan x 1.1 x 3) / 1000] x 0.63 = RM  
**\*\*Jika tiada insurans diambil, tiada sebarang pampasan harga item akan diberikan sekiranya berlaku sebarang kehilangan/ kebakaran/ bencana alam/ kemalangan/ kerusakan yang tidak dijangka berlaku ketika penghantarandari warehouse China ke premis pelanggan.**
  - V. Permohonan gantirugi dari insurans tidak melibatkan:
    - Kerosakkan kurang dari 10% dari jumlah harga barang.
    - Barang yang mudah pecah/mudah rosak (Dinasihatkan untuk membungkus barang dengan betul).

**BGST Resources Sdn Bhd(1191579-K)**

No. 11-G Jalan Astana E 13/E,  
Pusat Niaga Astana Alam,  
42300 Puncak Alam Selangor.  
03-33939072  
[info@bgst.com.my](mailto:info@bgst.com.my)



- 
- Barang jenama mewah
  - Produk yang berasaskan haiwan,tumbuhan dan makanan.
5. Pembungkusan barang :
- I. Pelanggan hendaklah meminta pembekal membungkus barangan mereka mengikut standard piawaian pembungkusan, sila rujuk lampiran. Semua barangan yang mudah pecah/rosak, sangat digalakkan untuk menggunakan *wooden packaging*/pembungkusan kotak kayu. BGST Resources Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab ke atas kerosakanbarang yang di sebabkan kegagalan mematuhi standard piawaian pembungkusan tersebut.
  - II. Tiada sebarang pembungkusan barangan, leraian/bukaan bungkus dan *inspection* akan dilakukan oleh *Warehouse* China atau Malaysia.
  - III. Pelanggan haruslah maklum bahawa barangan dan bungkus boleh rosak dan terkoyak semasa penghantaran. Oleh itu, pembungkusan yang sesuai dengan jenis barangan haruslah di utamakan bagi meminimakan kerosakan barang.
  - IV. Jika barang pelanggan melebihi 10 karton, pelanggan hendaklah memberitahu kepada pembekal supaya menyatukan kesemuanya dalam satu bungkus yang sama. (Tujuan untuk mengelakkan berlakunya kehilangan barang)
  - V. Minta pembekal memberikan gambar bungkus/karton yang sudah dimarking kepada anda bagi memastikan pembungkusan dan marking telah dilakukan dengan betul.
6. *Marking number*:
- I. *Marking Number* hendaklah di tulis dengan jelas di atas setiap karton.
  - II. *Marking Number* hendaklah ditulis di atas bungkus, bukan di dalam bungkus. Sekiranya supplier menggunakan penghantaran secara *courier*, *Marking Number* ditulis di atas plastik *courier*.
  - III. BGST Resources Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab sekiranya ada kelewatan penghantaran, kelewatan mengikuti kargo atau kehilangan item/karton akibat daripada tiada *Marking Number* ataupun salah *Marking Number*.
  - IV. Pelanggan tidak boleh mendesak pihak BGST Resources Sdn Bhd untuk mencari item yang tidak ditanda dengan betul dan haruslah akur dengan prosedur yang diberitahu.
  - V. *Warehouse* akan mengenakan kompaun sebanyak RM10/karton untuk mencari item yang dihantar tanpa *Marking Number*.
  - VI. *Warehouse* tidak akan menerima sebarang item yang tidak mempunyai *Marking Number*. BGST tidak akan menanggung kos *courier* atau pengangkutan yang terlibat sekiranya barang dipulangkan kepada supplier.
7. Penghantaran ke *warehouse* China:
- I. Pastikan pembekal/penghantar barang anda menerima Slip Penerimaan *Warehouse* sebagai bukti barang di hantar ke *warehouse* yang betul.
  - II. BGST Resources Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab untuk barang yang di hantar ke *warehouse* yang salah dan caj akan dikenakan untuk proses penukaran *warehouse*. Barangan yang dihantar menggunakan *courier services*, pelanggan hendaklah sentiasamerujuk kepada pembekal samada item tersebut telah sampai atau tidak ke *warehouse* berdasarkan *tracking number*.



8. Caj penyimpanan barang :

- I. Pelanggan hendaklah memberitahu kepada BGST Resources Sdn Bhd sekiranya hendak mengumpul barangan dari beberapa pembekal.
- II. Bagi penyimpanan barang di gudang China melebihi 7 hari, caj tambahan simpanan barang akan dikenakan dengan kadar RM 30/CBM/hari. Jumlah caj akan dimasukkan ke dalam invoice penghantaran barang.
- III. Maklumat kargo yang tidak dimasukkan ke dalam sistem, tidak akan di hantar selepas 2 bulan, gudang akan melupuskan barang jika tiada sebarang tuntutan dilakukan.

9. Pengisytiharan barang :

- I. Setiap barang hendaklah diisytiharkan dengan jelas dan tepat. Isi kargo details dengan lengkap untuk memudahkan urusan penghantaran. Kegagalan/sebarang penipuan pada pengisytiharan boleh menyebabkan barangan akan dikenakan penalti atau dirampas oleh pihak kastam.
- II. Kandungan dan spesifikasi item perlulah diberitahu dengan jelas kepada pihak kami.

10. Setelah kargo detail diisi, buat pembayaran terus melalui sistem. Pembayaran yang tidak dibuat akan menyebabkan maklumat kargo tidak sampai ke China dan menyebabkan barangan tidak dihantar.

11. Jika terdapat Kehilangan atau kerosakan barang, pelanggan haruslah maklum bahawa :

- I. Kerosakan untuk barangan yang mudah pecah atau lentur mungkin akan terjadi dan tidak dapat dielakkan dari berlaku, dianggarkan sekitar 3-5% kerosakan mungkin terjadi semasa penghantaran dilakukan kerana proses *loading* dan *unloading* yang dijalankan.
- II. Kerosakan untuk barangan jenis normal adalah sekitar 1-2% semasa penghantaran dilakukan.
- III. Kemungkinan untuk kehilangan barangan adalah sangat rendah sekiranya barangan telah di label dengan *Marking Number*, dibungkus dengan baik dan telah dihantar ke *warehouse* yang betul.

12. Penghantaran barangan kepada pelanggan :

- I. Pelanggan dilarang menukar alamat selepas pendaftaran *Marking Number* dibuat.
- II. BGST Resources Sdn Bhd akan memaklumkan penghantaran lebih awal, pelanggan hendaklah memastikan bahawa mereka atau wakil mereka berada di premis untuk menerima barangan tersebut.
- III. Jika tidak dapat menerima barangan pada tarikh yang dimaklumkan, pelanggan boleh menjadualkan semula penghantaran mengikut tarikh pilihan, tertakluk kepada 2 kali penjadualan semula sahaja.
- IV. Sekiranya pelanggan gagal dihubungi ketika penghantaran/menolak untuk menerima barangan/tiada wakil untuk menerima barangan di premis, pihak BGST Resources Sdn Bhd berhak untuk mengenakan caj tambahan untuk penghantaran semula atau pelanggan boleh mengambil barangan tersebut dengan kos dan kenderaan sendiri di gudang kami.



- 
- V. Jika barangan disimpan di gudang Malaysia melebihi satu minggu dari tarikh asal penghantaran, caj tambahan RM10/cbm/hari akan dikenakan.
  - VI. Penjadualan semula penghantaran tidak menjamin penghantaran akan dilakukan pada tarikh pilihan pelanggan. Penghantaran akan dibuat apabila ada laluan lori yang melalui kawasan pelanggan. Ini adalah kerana kami menggunakan konsep "consolidation" (gabungan penghantaran antara pelanggan lain).
  - VII. Pelanggan hendaklah memberitahu dan memastikan premis mereka mempunyai akses untuk lori membuat penghantaran.
  - VIII. Penghantaran hanya akan dilakukan di aras bawah (Ground Level) /di depan premis/di lobi bangunan sahaja.
  - IX. Pelanggan hendaklah menyediakan tenaga kerja atas kos sendiri untuk membawa turun barangan dari lori dan mengangkat barangan ke premis mereka.
  - X. Pelanggan mestilah maklum dengan jumlah berat barangan mereka dan memastikan untuk menyediakan tenaga kerja yang cukup untuk mengangkat barang tersebut.
  - XI. Pelanggan mestilah menandatangani Delivery Order (DO) sebagai bukti item telah diterima dengan jumlah karton yang betul.
  - XII. Penghantaran pintu-ke-pintu hanyalah untuk kawasan yang terletak di dalam radius 50km dari pusat Bandar. Caj tambahan logistic akan dikenakan untuk kawasan yang melebihi lingkungan tersebut. Pelanggan boleh mendapat nilai kos awal dari wakil khidmat pelanggan BGST Resources Sdn Bhd.
13. Menerima barangan :
- I. Ambil gambar atau video semasa proses menerima barang. Sila catat nombor plat lori yang menghantar barangan tersebut.
  - II. Jika ada kesilapan *Marking Number*, jangan terima barang tersebut, sila hubungi kami pada masa tersebut atau segera sebelum lori beredar, dan jangan terima barang tersebut.
  - III. Jika ada kesilapan jumlah karton/barang tidak cukup : terima barangan yang ada, catatkan jumlah barangan yang diterima di atas *Delivery Order* (DO) dan laporkan kepada kami dengan segera.
  - IV. Jika terdapat kerosakan fizikal pada bungkusan : sila ambil gambar atau video dengan segera sebelum membuka bungkusan tersebut, laporkan dalam masa 72 jam selepas *Delivery Order* (DO) ditandatangani.
  - V. Perbezaan saiz CBM atau berat volumetrik berbanding yang telah di invoice : Sila ambil video dan gambar ketika membuat ukuran semula ke atas barangan tersebut. Pihak BGST Resources Sdn Bhd akan membandingkan ukuran tersebut dengan yang telah diisu secara rasmi oleh pihak *Ocean Liner* dan *Airlines*. Tiada pemulangan bayaran akan dibuat sekiranya video dan gambar tersebut gagal di ambil, atau cara ukuran dibuat adalah salah. Sila minta bantuan wakil khidmat pelanggan kami untuk cara-cara mengukur item dengan betul.

**BGST Resources Sdn Bhd(1191579-K)**

No. 11-G Jalan Astana E 13/E,  
Pusat Niaga Astana Alam,  
42300 Puncak Alam Selangor.  
03-33939072  
[info@bgst.com.my](mailto:info@bgst.com.my)



- 
- VI. Setelah menerima barangan, sila maklumkan kepada wakil kami dengan segera.
  - VII. Tidak dibenarkan mengubah waktu penghantaran sewenangnyanya kerana waktu penghantaran barangan telah ditetapkan lebih awal bersama barangan lain. Pelanggan hendaklah bersedia menerima barangan pada waktu yang ditetapkan oleh logistic BGST Resources Sdn bhd.

*BGSTRESOURCES SDNBHD BERHAK MEMINDATERMADAN SYARAT INI TANPA SEBARANG NOTIS/MAKLUMAN AWAL*





### **STANDARD PIAWAIAN PEMBUNGKUSAN/SEAWORTHY PACKAGING**

1. Menggunakan kotak berpita pelekat : Pakaian, beg, kasut dll.



2. Menggunakan guni berpita pelekat: Pakaian, beg, buku, kasut dll.



3. Menggunakan kotak dan guni berjahit: Fabrik, pakaian, tekstile dll.



**BGST Resources Sdn Bhd(1191579-K)**

No. 11-G Jalan Astana E 13/E,

Pusat Niaga Astana Alam,

42300 Puncak Alam Selangor.

03-33939072

[info@bgst.com.my](mailto:info@bgst.com.my)



3. Menggunakan *wooden frame/ full wooden packaging di dalamnya terdapat bubble wrap/foam* : Barang mudah pecah, mudah bengkok, mesin dll.





---

**PANDUAN MENULIS MARKING NUMBER**



- Gambar diatas adalah barangan dalam jumlah banyak yang dibungkus didalam guni kemudian dibalut sekali menggunakan plastik.
- Barang yang dibungkus didalam guni/pallet dalam jumlah banyak seperti gambar diatas akan dikira sebagai 1 carton.
- **PERHATIAN** sekiranya anda menggunakan bungkusan seperti gambar diatas, sila pastikan *Marking Number* ditulis di bahagian paling luar bungkusan tersebut. (rujuk rajah)

**BGST Resources Sdn Bhd(1191579-K)**  
No. 11-G Jalan Astana E 13/E,  
Pusat Niaga Astana Alam,  
42300 Puncak Alam Selangor.  
03-33939072  
[info@bgst.com.my](mailto:info@bgst.com.my)

